

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN CAKERA PADAT TATABAHASA BAHASA MELAYU DIGITAL
Lokasi : AUDITORIUM, HOTEL PALACE OF THE GOLDEN HORSES
Tarikh : 30-10-2002

Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran kepada Ilahi saya rasa amat bertuah pada hari ini kerana dapat bersama-sama untuk melancarkan cakera padat Tatabahasa Bahasa Melayu Digital ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Multimedia di atas kesudian menjemput saya ke majlis yang sungguh bermakna ini.

2. Saya difahamkan bahawa perisian ini merupakan hasil usaha sulung kerjasama di antara pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Multimedia (MMU). Tahniah saya ucapkan kepada kedua-dua pihak ini kerana dapat bekerjasama dalam bidang keilmuan walaupun dalam sektor yang berlainan.

3. Produk Tatabahasa Bahasa Melayu Digital ini terbit tepat pada masanya kerana situasi pembelajaran sekarang yang memerlukan kaedah yang cepat dan tepat untuk membina pelajar yang lebih bijak, mahir menggunakan peralatan teknologi terkini serta lebih mudah memahami apa yang hendak disampaikan oleh guru. Penggunaan produk seperti ini juga dapat membantu guru dalam proses pembelajaran di dalam kelas, iaitu pelajar dan guru hanya perlu merujuk kepada produk yang digunakan dan perlu memahami item-item multimedia yang digunakan. Melalui cara ini, bukan sahaja ilmu bahasa Melayu dapat disebarkan, bahkan juga ilmu tentang kemahiran menggunakan peralatan multimedia dapat dikembangkan. Produk ini juga diharap dapat digunakan bukan sahaja di sekolah-sekolah malahan di institusi pengajian tinggi. Orang perseorangan juga dapat memanfaatkan produk ini sama ada sebagai bahan rujukan bahasa atau pembelajaran berasaskan multimedia. Ini bersesuaian dengan kehendak Kerajaan yang mahukan rakyat menguasai ilmu teknologi komunikasi maklumat dalam seluruh aspek kehidupan.

Para hadirin sekalian,

4. Kerjasama di antara pihak Kerajaan dan swasta seumpama ini amat digalakkan. Saya sentiasa mengharapkan kerjasama yang padu seperti ini kerana dengan cara ini, bidang pendidikan akan menjadi bertambah luas dan dapat divariasikan bentuk pembelajarannya. Tambahan pula dengan usaha Kerajaan mewujudkan Sekolah Bestari supaya proses pembelajaran di dalam kelas tidak lagi menggunakan konsep konvensional, tetapi lebih kepada penggunaan peralatan teknologi yang jauh lebih baik dan mudah. Produk ini dapat merapatkan jurang digital di antara pelajar luar bandar dan pelajar di kawasan bandar malah dari seluruh pelusuk dunia. Hal ini kerana gandingan di antara pembelajaran berasaskan kandungan dengan bahan multimedia ini secara tidak langsung dapat mendedahkan para pelajar dengan bahan berteknologi tinggi. Para pelajar pula akan menjadi bertambah yakin dan mahir serta mesra teknologi. Inilah yang kita harapkan sebenarnya daripada pelajar-pelajar kita untuk membangunkan negara pada masa hadapan.

Para hadirin sekalian,

5. Hasil usaha seperti ini dapat menggalakkan pembangunan dan pemasaran produk multimedia dalam Bahasa Melayu. Di samping menggalakkan penyebaran ilmu berkaitan teknologi dan perisian multimedia, usaha seumpama ini dapat memperbanyakkan aktiviti-aktiviti berkaitan bahasa Melayu, sastera dan budaya.

Sesungguhnya usaha dan kerjasama yang dilakukan oleh DBP dan MMU ini amat bermakna sekali kepada perkembangan dan pemertabatan bahasa Melayu. Penyebaran bahasa Melayu akan lebih meluas dan lebih mantap lagi melalui teknologi seperti ini. Saya amat mengharapkan lebih banyak produk multimedia dalam bahasa Melayu akan dapat dihasilkan sekaligus memenuhi permintaan teknologi bahan-bahan penerbitan bahasa Melayu dalam bentuk multimedia.

6. Mengakhiri ucapan saya ini terimalah serangkap pantun ini; Tanjung Bungah tempatnya indah, Airnya bersih, udaranya nyaman; Cakera padat terhasillah sudah, Menjadi panduan sepanjang zaman 7.

Dengan lafaz Bismillahhi Rahmanir Rahim saya dengan rasminya melancarkan cakera padat Tatabahasa Bahasa Melayu Digital.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmahtullahi wabarakatuh.